



PENILAIAN TERHADAP KEBOLEHGANTUNGAN KEPADA CHATGPT DALAM MEMAHAMI TAŞHĪF RIWAYAT HADITH

(Assessing ChatGPT's Competence in Understanding Textual Errors (Taşhġif) in Hadith Chains)

Helimy bin Aris

Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstract

Considering the increasing global trend towards the application of Artificial Intelligence (AI) in producing more competitive outputs, this development has also created a distinct wave within the field of Hadith Studies. Therefore, this study aims to assess the capability of ChatGPT in providing information regarding transcriptional errors in narration (*taşhġif al-riwāyah*) and its analysis of several hadiths that contain distorted wording (*lafz muşahhaf*). Research and publications on this matter are still relatively scarce, as the use of Artificial Intelligence in the field of Hadith Studies is a relatively new phenomenon. The researcher employed a library-based methodology and evaluation through generated responses to achieve the stated objectives. The findings reveal that ChatGPT is capable of providing general information about transcriptional errors in narration. However, it is not fully competent in comprehensively explaining all aspects related to *taşhġif al-riwāyah*. Additionally, it is still limited in its ability to analyse hadiths containing distorted wording. It is hoped that the results of this study will serve as a guide for future research focused on integrating Hadith Studies with Artificial Intelligence.

Keywords: Hadith Studies, transcriptional errors in narration, distorted wording, Artificial Intelligence, ChatGPT.

Article Progress

Received: 25 February 2025
Revised: 10 March 2025
Accepted: 30 April 2025

*Corresponding Author:
Helimy bin Aris.
Fakulti Pengajian Quran &
Sunnah, USIM.

Email:
helimy@usim.edu.my

PENDAHULUAN

Dalam penilaian teks hadith, sangat dititikberatkan soal keselarasan kandungan teks dengan maksud al-Quran, sunnah *mutawātirah* dan *ijmā'* para mujtahid. Kejanggalan kandungan berlaku apabila ia menyalahi sumber-sumber muktabar tersebut dan ia akan menyebabkan sesebuah hadith itu dipertikai kesahannya¹. Metod ini dan seni kritik teks secara umumnya lebih sinonim dengan cara cara ahli fiqh. walau bagaimanapun, ahli hadith turut menggunakannya sebagai salah satu aspek penilain status hadith. Bahkan mereka akan memaksimumkan penilain berasaskan keselarasan teks dengan sumber-sumber muktabar tersebut jika ia melibatkan hadith mawḍū'. Malah penilaian hadith berasaskan matan telahpun dipelopori oleh para sahabat r.a dan tokoh-tokoh hadith seperti al-Syafī'ī dan ia adalah rahsia di sebalik tercetusnya beberapa istilah ilmu Hadith seperti *shādh*, *munkar*, *mudraj*, *maqlūb*, *muşahhaf* dan *mukhtalif al-ḥadīth*². Selain itu, pendekatan menilai status hadith dan perawinya melalui teks atau matan telah lama dipraktis oleh sarjana-sarjana ulung Ilmu Hadith seperti al-Bukhārī³. Buku-buku *muştalah al-ḥadīth* yang ditulis oleh para sarjana hadith terdahulu dan masa kini pasti membicarakan mengenai kejanggalan pada sanad dan kandungan hadith. Antara hal yang menyebabkan kejanggalan pada kandungan hadith ialah *taşhġih* atau *tahrġif*. Melihat kepada perkembangan tersebut, secara tidak langsung

¹ Helimy Aris, Amran Abdul Halim, A. Irwan Santeri Doll Kawaid. 2023. "Kritik Teks Hadith & Penggunaannya Dalam Menilai Hadith." *Seminar Antarabangsa Sains & Islam (SAIS 2023)*. Malaysia: PKAUSIM. 218-227

² Sa'id, H.-R (1987). *Al-Fikr al-Manhajī 'Ind al-Muḥaddithīn*. Qatar: Ri'āsat al-Maḥākim al-Shar'iyah wa al-Shu'ūn al-Dīnīyah. 106

³ Helimy Aris, Muhammad Fawwaz Bin Muhammad Yusoff, Amran Bin Abdul Halim, Nazri Muslim, Jamsari Alias and Norazila Mat. 2024. "Mudraj Hadith and Its Relationship with the Art of Hadith Text Criticism." *International Journal of Religion* 740-753

ia mampu menghakis keraguan pada minda yang dicetuskan oleh sebahagian pengkaji yang terkesan dengan gaya fikir orientalis kononnya ahli hadith telah mengabaikan kritik teks sehingga mengangkat sebahagian hadith palsu dan kenyataan pelik sebagai hadith Nabi SAW⁴.

Pada era digitalisasi maklumat dan kecerdasan buatan (AI), manusia lebih cenderung memilih aplikasi-aplikasi berasaskan kecerdasan buatan sebagai pilihan utama dan pertama bagi mengakses apa sahaja informasi seputar ruang lingkup hidupnya. Dunia penyelidikan dan ilmu pengetahuan turut terkesan dengan perkembangan tersebut. AI bukan sahaja berperanan menjelaskan isu dalam sesuatu bidang pengetahuan, malah ia turut berkeupayaan melakukan analisis pantas dan segera dalam menyelesaikan sesebuah masalah.

Walaupun bagaimanapun, keupayaan AI dalam pembangunan dan pengembangan pengetahuan berkaitan dengan Ilmu Hadith masih terlalu awal untuk dinilai. Walaupun perisian digital terkait ilmu hadith dengan segala cabangnya telah lama menapak dalam dunia penyelidikan para pengkaji hadith, ketepatan analisis aplikasi berasaskan AI dalam bidang hadith masih menjadi pertikaian dalam kalangan pengkaji.

Antara aplikasi AI yang paling mesra pengguna dari segenap lapisan ialah *ChatGPT*. Justeru, artikel ini berusaha menilai keupayaan *ChatGPT* dalam menjelaskan beberapa subtopik utama berkaitan *taṣḥīf* riwayat dan kemampuannya menganalisis beberapa hadith yang mengandungi *taṣḥīf* melalui pendekatan penilaian berasaskan respon. Pengenalan mengenai definisi, jenis, cara mengatasi dan mengenalpasti *taṣḥīf* secara tradisi akan dipapar terlebih dahulu berserta dengan contoh-contoh daripada sumber yang berkaitan. Kemudian perbincangan dilanjutkan dengan sorotan kajian lepas mengenai kebolehgunaan AI dalam lapangan hadith. Selepas itu barulah kajian difokuskan kepada kebolehgantungan kepada *ChatGPT* dalam memahami *taṣḥīf* riwayat hadith.

Pengertian *Taṣḥīf* dalam Ilmu Hadith

Perkataan *taṣḥīf* berasal dari kata akar *ṣaḥafa* (صحف) bermaksud luas dan lapang⁵. Daripada kata akar tersebut dibentuk beberapa istilah seperti *ṣaḥīf* (permukaan bumi), *ṣaḥīfah* (lembaran catatan atau kulit muka seseorang), *ṣaḥfah* (bekas makanan), *taṣḥīf* (kesalahan dalam catatan), *muṣaḥḥif* (orang yang meriwayatkan kesalahan daripada lembaran catatan disebabkan persamaan pada bentuk huruf)⁶.

Dalam ilmu Hadith, *Taṣḥīf* boleh ditakrifkan sebagai pengubahan perkataan daripada keadaan asalnya yang sedia dikenali kepada keadaan lain yang tidak dikenali⁷. Mungkin disebabkan terlalu jelas dan mudah, sarjana-sarjana hadith silam hampir tidak menjelaskan maksud *taṣḥīf* secara spesifik melainkan dalam bentuk contoh dan pembahagian seperti yang dilakukan oleh Ibn al-Ṣalāḥ⁸ (tahun meninggal 643 H). Hinggalah tiba zaman Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (tahun meninggal 852 H) apabila beliau telah melakukan sedikit perincian terhadap definisi *taṣḥīf*. Menurut Ibn Ḥajar, *taṣḥīf* adalah termasuk dalam kategori *al-mukhālafah* yang disebabkan oleh perubahan pada titik huruf sesuatu perkataan dalam hadith walaupun bentuk perkataan tersebut masih kelihatan sama. Jika perubahan pada baris bacaan, ia adalah *taḥrīf* dan bukan *taṣḥīf*⁹. Antara contoh yang disebut oleh ahli hadith ialah hadith Muʿāwiyah r.a seperti berikut:

⁴ Amīn, A (2012). *Fajr al-Islām*. Cairo: Muʿassasat al-Hindāwī. 238

⁵ Ibn Fāris, Aḥmad (1979). *Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār al-Fikr. 3/334

⁶ Ibn Fāris, Aḥmad (1979). *Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār al-Fikr. 3/334. Ibn Manzūr, Muḥammad Ibn Makram (1994). Lisān al-ʿArab. Beirut: Dār Ṣādir. 9/187

⁷ Al-Sakhāwī, Muḥammad Ibn ʿAbd al-Raḥmān (2003). *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfiyat al-Ḥadīth li al-ʿIrāqī*. Egypt: Maktabat al-Sunnah. 4/57

⁸ Ibn al-Ṣalāḥ, T.-D. (2002). *Maʾrifat Anwāʾ ʿIlm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyah. 383

⁹ Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, A. (2021). *Nuzhat al-Nazar fī Tawḍīḥ Nukhbat al-Fikar*. Al-Madīnat al-Munawwarah: ʿAbd Allah Ibn Ḍayf Allah al-Rahīlī. 130

((لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الَّذِينَ يُشَقِّقُونَ الْخُطْبَ تَشْقِيقَ الشَّعْرِ))

Maksudnya: “Sesungguhnya Rasulullah SAW telah melaknat golongan yang berlebihan dalam memperelokkan ucapan seperti syair”¹⁰.

Perkataan (الخطب) dalam hadith di atas yang bermaksud “khutbah-khutbah” atau “ucapan-ucapan” telah dibaca oleh Wakī’ menjadi (الخطب) yang bermaksud “kayu api”¹¹. Kedua-dua lafaz tersebut kelihatan sama bentuknya walaupun berbeza pada titik huruf dan maksud.

‘Awn Ibn Abī Juḥayfah berkata:

((سَمِعْتُ أَبِي أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى بِهِمْ بِالْبَطْحَاءِ وَبَيْنَ يَدَيْهِ عَنَزَةٌ، وَالظُّهْرَ رَكَعَتَيْنِ، وَالْعَصَرَ رَكَعَتَيْنِ، بَيْنَ يَدَيْهِ الْمَرْأَةُ وَالْحِمَارُ))

Maksudnya: “Aku telah mendengar daripada bapaku, bahawasanya Nabi s.a.w pernah solat zohor dan asar bersama mereka, setiap satu daripada solat tersebut sebanyak dua rakaat, di kawasan terbuka yang lapang dalam keadaan di hadapan baginda diletakkan sebilah tombak kecil. Ketika itu, kaum wanita dan keldai melintas di hadapan baginda”¹².

Abū Manṣūr al-Faqīh pernah membetulkan bacaan seorang badwi yang menyangka perkataan (عَنَزَةٌ) yang bermaksud “tombak kecil” dalam hadith di atas adalah (عَنَزَةٌ) yang bermaksud “kambing”¹³. Kedua-duanya masih dilihat sama melainkan pada baris huruf dan makna.

Kadang-kala kedua-dua *taṣhīf* dan *tahrīf* boleh berlaku serentak pada satu perkataan. Antara contoh yang disebut oleh ahli hadith ialah hadith yang dilaporkan oleh Abū Ayyūb al-Anṣārī r.a daripada Rasulullah s.a.w seperti berikut:

((مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ، كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ))

Maksudnya: “Barangsiapa berpuasa pada bulan Ramadhan, kemudian ia disusuli dengan enam hari pada bulan syawwal, dia seperti telah berpuasa selama setahun”¹⁴.

Perkataan (ستًا) yang bermaksud “enam” telah dibaca oleh Abū Bakr al-Ṣulī menjadi (شينا) yang bermaksud “sesuatu yang sedikit” dan ia melibatkan perubahan pada titik huruf dan juga baris bacaan¹⁵.

Al-Mukhālafah yang merupakan ciri utama *taṣhīf* adalah situasi apabila seorang perawi melaporkan riwayat berbeza daripada laporan perawi-perawi lain sama ada perawi tersebut adalah seorang yang dipercayai (*thiqah*) atau sebaliknya. Jika ia melibatkan antara riwayat seorang yang dipercayai (*thiqah*) dan beberapa orang yang juga dipercayai atau seorang sahaja tetapi lebih dipercayai (*awṭhaq*), riwayat yang menyalahinya atau mereka dinilai sebagai *shādh* (janggal). Tetapi jika ia melibatkan riwayat seorang yang lemah dan yang dipercayai (*thiqah*), riwayat yang menyalahinya dinilai sebagai *munkar* (riwayat janggal yang diriwayatkan oleh seorang yang lemah tetapi menyalahi riwayat perawi yang

¹⁰ Al-Ṭabarānī, Sulaymān Ibn Aḥmad (1994). *Al-Mu’jam al-Kabīr*. Cairo: Maktabat Ibn Taymīyah. 19/361, no hadith: 848.

¹¹ Al-Khaṭīb al-Baghdādī, Abū Bakr (1983). *Al-Jāmi’ li Akhlāq al-Rāwī wa Ādāb al-Sāmi’*. Riyādh: Maktabat al-Ma’ārif. 1/292

¹² Al-Bukhārī, M (1993). *Ṣaḥīḥ al-bukhārī*. Damascus: Dār Ibn Kathīr. 1/187, no hadith: 473

¹³ Al-Ḥākim al-Naysābūrī, Abū ‘Abd Allāh (1937). *Ma’rifat ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Cairo: Maṭba’at Dār al-Kutub al-Miṣrīyah. 148

¹⁴ Muslim Ibn al-Ḥajjāj (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī. 2/822, no hadith: 1164

¹⁵ Abū al-Barakāt, al-Anbārī (1985). *Nuzhat al-Alibbā’ fī Ṭabaqāt al-Udabā’*. Jordan: Matabat al-Manār. 20

thiqah)¹⁶. Apabila terdapat situasi *al-mukhālafah* pada sebuah hadith, ia telah menyalahi satu atau dua kriteria hadith *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* iaitu tidak *shādh* (janggal) dan *ma'lūl* (cacat).

Muṣaḥḥaf atau *muḥarraf* pula ialah perkataan yang diubah daripada perkataan asal sama ada ia adalah nama perawi atau teks hadith. Jika yang diubah itu adalah titik huruf, ia disebut *muṣaḥḥaf* di sisi Ibn Hajar. Jika yang diubah itu pula adalah baris bacaan, ia disebut *muḥarraf* di sisi beliau¹⁷. Menurut kebanyakan ahli hadith, kedua-dua istilah tersebut adalah sama¹⁸.

Berdasarkan definasi Ibn Hajar tersebut, *taṣḥīf* atau *tahrīf* adalah lebih khusus berbanding *al-shudhūd* (kejanggalan dalam riwayat) dan *al-'illah* (kecacatan yang tersembunyi tetapi menjejaskan status hadith) yang mana sebahagian daripada kejanggalan atau kecacatan itu mungkin tampil dalam bentuk *taṣḥīf* atau *tahrīf*. *Al-Shudhūd* dan *al-'illah* adalah hal yang menjejaskan status hadith sehingga ia boleh dinilai sebagai *ḍa'īf*. Justeru, Ibn Hajar dalam *Nukhbat al-Fikar*¹⁹ dan *Nuzhat al-Nazar*²⁰ telah meletak perbahasan *taṣḥīf* sebaris dengan subtopik-subtopik *al-Mukhālafah* seperti *al-Idrāj*, *al-Qalb* dan *al-Idtirāb*. Hal ini berbeza dengan gaya Ibn al-Ṣalāh dan penulis-penulis sebelum Ibn Hajar yang dilihat telah meletakkan perbahasan *taṣḥīf* dalam kumpulan ilmu yang berkaitan dengan matan seperti *al-nāsikh wa al-mansūkh* dan *mukhtalif al-ḥadīth*. Walau bagaimanapun, penyusunan jenis-jenis Ilmu Hadith dalam karya Ibn al-Ṣalāh mungkin dilakukan tanpa melihat kepada kaitan antara satu jenis dengan jenis yang lain. Tujuan asal beliau hanyalah mengumpulkan istilah-istilah ilmu Hadith yang telah digunakan oleh sarjana-sarjana hadith terdahulu dan bukan menyusunnya mengikut kesesuaian dan berdasarkan kepada perkaitan antara satu sama lain. Menurut Ibn Kathīr²¹, Ibn al-Ṣalāh didapati telah memisahkan antara dua jenis Ilmu atau istilah Hadith yang sepatutnya disatukan. Tetapi Ibn Kathīr juga didapati hanya berpada dengan susunan yang telah dibuat oleh Ibn al-Ṣalāh. Sehingga Ibn Hajar menulis bukunya yang berjudul *Nukhbat al-Fikar*, lalu menterjemahkan kritikan Ibn Kathīr tersebut dengan melakukan penyusunan semula jenis-jenis Ilmu Hadith berasaskan perkaitan antara satu jenis dengan jenis yang lain. Sebagai contoh, beliau telah meletakkan selepas topik *al-mukhālafah* beberapa topik yang pada hakikatnya adalah bentuk-bentuk *al-mukhālafah* dalam riwayat iaitu *al-mudraj*, *al-maqlūb*, *al-mazīd fī muttasil al-asānīd*, *al-mudṭarib*, *al-muṣaḥḥaf* dan *al-muḥarraf*.

Menurut al-Sakhāwī²², salah seorang murid Ibn Hajar, perbahasan *taṣḥīf* sebaiknya diletakkan selepas topik *gharīb al-ḥadīth* (lafaz hadith yang jarang digunapakai dan jarang diketahui maksudnya melainkan oleh ahli bahasa) atau selepas *al-mu'talif wa al-mukhtalif* (nama-nama perawi yang sama atau seakan sama pada tulisan tetapi berbeza pada sebutan). Hal ini disebabkan ia adalah berkaitan dengan lafaz *mushtabah* (iaitu lafaz yang mirip dengan lafaz lain walaupun kedua-duanya berbeza dari segi sebutan atau makna). Al-Suyūṭī dalam *Naẓm al-Durar*²³ juga meletakkan perbahasan *taṣḥīf* selepas topik *gharīb al-ḥadīth*.

Kesimpulannya, *taṣḥīf* mungkin menyebabkan sesebuah riwayat dinilai sebagai janggal dan cacat apabila tiada riwayat lain yang menyokongnya. Ia juga menyebabkan sesuatu lafaz menjadi pelik

¹⁶ Ibn Hajar al-'Asqalānī, A (1984). *Al-Nukat 'Alā Kitāb Ibn al-Ṣalāh*. Al-Madīnat al-Munawwarah: 'Imādat al-Baḥth al-'Ilmī bi al-Jāmi'at al-Islāmīyah. 2/656, 674.

¹⁷ Ibn Hajar al-'Asqalānī, A (2021). *Nuzhat al-Nazar fī Tawḍīḥ Nukhbat al-Fikar*. Al-Madīnat al-Munawwarah: 'Abd Allāh Ibn al-Ḍayf. 130

¹⁸ Ibn al-Ṣalāh, T.D (2002). *Ma'rifat Anwā' 'Ilm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmīyah. 383

¹⁹ Ibn Hajar al-'Asqalānī, A (2020). *Nukhbat al-Fikar fī Muṣṭalah Ahl al-Athar*. Riyādh: Maktabat al-Malik Fahd. 59

²⁰ Ibn Hajar al-'Asqalānī, A. (2021). *Nuzhat al-Nazar fī Tawḍīḥ Nukhbat al-Fikar*. Al-Madīnat al-Munawwarah: 'Abd Allāh Ibn Ḍayf Allah al-Rahīlī. 130

²¹ Ibn Kathīr, A.-F. I. (2014). *Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'il, Abū al-Ash'ikhtīṣar 'Ulūm al-Ḥadīth ma' Sharḥihī al-Bā'ith al-Ḥathīth*. Egypt: Dār Ibn al-Jawzī. 71

²² Al-Sakhāwī, Muḥammad Ibn 'Abd al-Raḥmān (2003). *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfiyat al-Ḥadīth li al-'Irāqī*. Egypt: Maktabat al-Sunnah. 4/57

²³ Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān (2021). *Naẓm al-Durar fī 'Ilm al-Athar*. Al-Madīnat al-Munawwarah: 'Abd al-Muḥsin Ibn Muḥammad al-Qāsim. 189

apabila disebut secara *taṣhīf*. Hal tersebut mungkin juga disebabkan wujud persamaan antara lafaz sebenar dengan lafaz yang telah diubah sehingga menimbulkan kekeliruan kepada sebahagian perawi.

Jenis, Sebab dan Cara Mengatasi *Taṣhīf*

Taṣhīf boleh berlaku pada sanad, matan, lafaz atau makna. Contoh *taṣhīf* sanad ialah kesilapan dalam menyebut nama perawi bernama “Murājim” sehingga menjadi “Muzāhim”. Contoh *taṣhīf* matan pula ialah kesilapan menyebut istilah “‘*anazah*” (bermaksud tombak kecil) sehingga menjadi “‘*anzah*” (bermaksud kambing). Contoh *taṣhīf* makna pula ialah kesilapan memahami maksud “‘*anazah*” sehingga ia dianggap merujuk kepada sebuah kabilah yang kebetulan bernama ‘*anazah*. Jika diambil kira pendefinisian Ibn Hajar yang lalu, *taṣhīf* boleh juga berlaku dengan perubahan pada *nuqṭat al-ḥarf* (titik huruf) atau *shakl al-ḥarf* (baris huruf).

Taṣhīf adalah disebabkan kesilapan perawi membaca catatan riwayat yang lazimnya bukan ditulis oleh tangannya sendiri tetapi diperolehi melalui *munāwalah*, *murāsalah* atau *wijādah*. Ia juga mungkin disebabkan kesilapan mendengar riwayat yang dibacakan oleh orang lain. Selain itu, ia juga mungkin disebabkan kesilapan dalam memahami teks hadith.

Imam Aḥmad melaporkan dalam al-Musnad dengan jalurnya daripada Ibn Lahī‘ah katanya:

كَتَبَ إِلَيَّ مُوسَى بْنُ عُقْبَةَ، يُخْبِرُنِي عَنْ بُسْرِ بْنِ سَعِيدٍ، عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اخْتَجَمَ فِي الْمَسْجِدِ

“Mūsā Ibn ‘Uqbah telah menulis surat kepadaku, memberitahu kepadaku daripada Busr Ibn Sa‘īd, daripada Zayd Ibn Thābit r.a, bahawasanya Rasulullah s.a.w telah berbekam di dalam masjid”. Aku bertanya kepada Ibn Lahī‘ah: “Maksudmu di ruang solat di dalam rumahnya? Beliau menjawab: “Tidak, tetapi di dalam Masjid Rasul (Masjid Nabawi)”²⁴.

Menurut Imam Muslim, lafaz (اختجم) adalah *muṣāhhaf*. Lafaz sebenarnya adalah (احتجر) yang bermaksud menggantung tirai di dalam masjid sehingga membentuk seperti bilik²⁵. Hal ini adalah disebabkan beliau hanya berpada dengan melihat pada surat Mūsā Ibn ‘Uqbah tanpa mendengarnya sendiri daripada mulut Mūsā Ibn ‘Uqbah. Sebahagian pengkaji berpendapat, ia adalah berpunca daripada kesilapan mendengar juga disebabkan kedua-dua perkataan tersebut amat mirip sebutannya²⁶.

Al-Dārquṭnī menyebut, Abū Mūsā Muḥammad Ibn al-Muthannā al-‘Anazī (W 250 H) menyangka perkataan “‘*anazah*” yang terdapat dalam hadith Nabi SAW adalah bermaksud kabilah “‘*Anazah*”. Justeru, beliau mengulas: “Kami adalah kabilah yang mulia (disebabkan) kami dari ‘Anazah. Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah solat menghadap ke arah tempat kami”. Walhal, perkataan ‘*anazah* yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan lain-lain daripada Abū Juhayfah RA adalah merujuk kepada tombak kecil yang digunakan oleh Rasulullah SAW sebagai *sutrah* (penanda sempadan kawasan solat) yang diletakkan di bahagian hadapan baginda²⁷.

Kadang-kala *taṣhīf* berlaku disebabkan kesilapan dalam menyebut lafaz sehingga menyebabkan maksudnya berubah. Kemudian hadith yang mengandungi lafaz *muṣāhhaf* tersebut disampaikan secara makna pula sehingga sukar untuk dikenalpasti puncanya. Al-Ḥākim al-Naysābūrī sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini pernah menceritakan daripada guru beliau iaitu al-Faqīh Abū Manṣūr

²⁴ Aḥmad Ibn Hanbal (2001). *Musnad al-Imām Aḥmad Ibn Hanbal*. Beirut: Mu‘assasat al-Risālah. 35/484, no hadith: 21608

²⁵ al-Naysābūrī, Muslim Ibn al-Ḥajjāj (1990). *Al-Tamyīz*. SAE: Maktabat al-Kawthar. 187

²⁶ Al-Sakhāwī, Muḥammad Ibn ‘Abd al-Raḥmān (2003). *Faṭḥ al-Mughīth bi Sharḥ Alfiyat al-Ḥadīth li al-‘Irāqī*. Egypt: Maktabat al-Sunnah. 4/57

²⁷ Ibn al-Ṣalāh, T.-D. (2002). *Ma‘rifat Anwā‘ ‘Ilm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah. 383

Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Hamdūn al-Jurjānī (W 386 H) katanya: “Sewaktu aku berada di ‘Adn Abyan (sebuah tempat di Yamen) pada hari raya. Lalu (aku dapati) seekor kambing diikat berdekatan dengan mihrab. Apabila orang ramai telah berkumpul, aku lantas bertanya kepada mereka iaitu setelah selesai solat dan khutbah: “Apa hal dengan kambing yang diikat pada mihrab itu? Mereka menjawab: “Rasulullah pernah solat pada hari raya menghadap ke arah seekor kambing”. Lalu aku berkata: “Wahai orang ramai, kamu telah melakukan *taṣḥīf*. Rasulullah SAW tidak pernah melakukan hal ini. Baginda hanya solat menghadap ke arah tombak kecil (yang diletakkan di hadapan kiblat sebagai sutrah)”²⁸.

Antara cara yang disarankan oleh ahli hadith bagi mengelak daripada berlaku *taṣḥīf* dalam periwayatan ialah dengan mengambil hadith melalui *samā’* (mendengar langsung daripada guru) dan sebaiknya ia dilakukan secara *imlā’* iaitu guru menyebut riwayatnya secara cermat, lalu disalin oleh murid. Kemudian catatan tersebut disemak dan dibandingkan dengan catatan asal gurunya bagi mengelak daripada berlaku sebarang kesilapan dalam proses penyalinan. Menurut Ibn al-Ṣalāḥ, cara selamat daripada terjebak dengan *taṣḥīf* ialah dengan mengambilnya secara langsung dari lisan ahli ilmu dan *ḍabt* (menyebut lafaz hadith dengan betul). Sebaliknya, sesiapa yang hanya mengambil hadith hanya daripada buku catatan, dia tidak akan terlepas daripada melakukan *taṣḥīf*²⁹. Menurut al-Sakhāwī³⁰, proses *imlā’* mengurangkan risiko kedua-dua guru dan murid terlepas pandang akan sesetengah lafaz hadith. Selain itu, kaedah *al-‘Ard* (murid membaca riwayat di hadapan guru) juga boleh mengelak daripada berlaku *taṣḥīf* dalam periwayatan.

Oleh sebab pembacaan dan pengucapan perawi yang salah akan menyebabkan berlaku *taṣḥīf*, adalah disarankan dia mendalami bahasa Arab sehingga ke tahap yang mampu menyelamatkannya daripada melakukan *taṣḥīf* dalam periwayatan³¹. Shu’bah berkata: “Barangsiapa mempelajari hadith tetapi tidak mahir dalam bahasa Arab, dia seumpama seorang lelaki memakai *burnus* (jubah yang mempunyai penutup kepala) tetapi dia tidak pula memiliki kepala”. Ḥammād Ibn Salamah pula berkata: “Perumpamaan orang yang mempelajari hadith dan tidak mengetahui ilmu *Nahw* (ilmu berkenaan tata bahasa bahasa Arab) adalah seperti keldai yang membawa bekas jerami tetapi tiada satu tangkai gandum pun di dalamnya”³².

Sarjana hadith juga menyarankan seseorang perawi memperkemaskan catatannya bagi mengelak berlaku sebarang bentuk *taṣḥīf*. Ibn al-Ṣalāḥ telah menyenaraikan enam belas panduan mencatat riwayat bagi mengelakkan berlaku *taṣḥīf* dalam periwayatan. Antara yang disarankan ialah dengan meletakkan titik bagi huruf yang bertitik dan meletakkan baris bagi perkataan yang mengelirukan pembaca. Menurut beliau, meletakkan titik huruf mampu mengelak daripada ia sukar dibaca. Sementara meletakkan baris pula mampu mengelak daripada kekeliruan dalam membaca dan memahami riwayat³³.

Mengenal Pasti *Taṣḥīf* Dalam Riwayat

Selain membandingkan antara riwayat, *Taṣḥīf* boleh dikenalpasti melalui ulasan sarjana hadith yang mendalami selok-belok ilmu periwayatan baik dari aspek sanad mahupun matan. Ulasan mereka boleh diperolehi melalui karya khusus mengenai *taṣḥīf* atau karya-karya lain yang menekankan aspek-aspek tertentu dalam ilmu hadith seperti *kutub al-rijāl*, *al-jarḥ wa al-ta’dīl*, *takhrīj*, *shurūḥ al-ḥadīth* dan

²⁸ Al-Sakhāwī, Muḥammad Ibn ‘Abd al-Raḥmān (2003). *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfiyat al-Ḥadīth li al-‘Irāqī*. Egypt: Maktabat al-Sunnah. 4/57

²⁹ Ibn al-Ṣalāḥ, T.-D. (2002). *Ma’rifat Anwā’ ‘Ilm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah. 327

³⁰ Al-Sakhāwī, Muḥammad Ibn ‘Abd al-Raḥmān (2003). *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfiyat al-Ḥadīth li al-‘Irāqī*. Egypt: Maktabat al-Sunnah. 4/57

³¹ Ibn al-Ṣalāḥ, T.-D. (2002). *Ma’rifat Anwā’ ‘Ilm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah. 326.

³² Al-Khaṭīb al-Baghādī, A (1983). *Al-Jāmi’ li Akhlāq al-Rāwī wa Ādāb al-Sāmi’*. Riyāḍ: Maktabat al-Ma’ārif. 2/26.

³³ Ibn al-Ṣalāḥ, T.-D. (2002). *Ma’rifat Anwā’ ‘Ilm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah. 292

*muṣṭalah al-ḥadīth*³⁴. Antara karya yang boleh dirujuk berkaitan taṣḥīf ialah *Iṣlāḥ Ghalaṭ al-Muḥaddithīn* karya Abū Sulaymān al-Khaṭṭābī (tahun meninggal 388 H).

AI dan ChatGPT

Artificial Intelligence (AI) atau kepintaran buatan adalah merujuk kepada kemampuan alat melaksanakan tugas-tugas yang memerlukan kepintaran akal manusia seperti memahami, menganalisis dan mengekstrak maksud³⁵.

ChatGPT adalah aplikasi yang berkebolehan memahami dan menghasilkan teks dalam pelbagai bahasa. Fungsi utamanya ialah membantu menjawab soalan, memberi penjelasan, menyediakan maklumat dan menyokong perbincangan dalam pelbagai bidang. Ia juga berkebolehan dalam menyediakan penulisan, penterjemahan dan melakukan analisis data. Melalui perbualan bersama *ChatGPT*, ia memperkenalkan dirinya sebagai model bahasa yang dibangunkan oleh OpenAI berdasarkan seni bina GPT-4. OpenAI ialah sebuah organisasi penyelidikan dan pembangunan kecerdasan buatan (AI) yang berpengkalan di Amerika Syarikat. GPT-4 pula ialah versi terkini dari rangkaian model *Generative Pre-trained Transformer* (GPT) yang dibangunkan oleh OpenAI. Ia dilatih menggunakan data teks yang besar untuk memahami konteks, makna dan hubungan antara perkataan dan frasa dalam pelbagai bahasa.

Penghasilan *ChatGPT* dilihat berasaskan teori bahasa yang dikenali sebagai Transformasi Generatif, Tatabahasa Generatif atau Tatabahasa Transformasi. Menurut teori ini, manusia secara semulajadinya memahami struktur ayat asas (generatif) dan berkebolehan mengolahnya kepada struktur-struktur baru yang belum pernah didengarinya (transformasi).

Faktor kebolehgunaan AI dalam kajian dan penyelidikan Ilmu Islam

Firās al-Sāsī³⁶ telah menyebut beberapa faktor kebolehgunaan AI dalam penyelidikan Islam seperti berikut:

- 1) Tiada larangan khusus penggunaan AI dalam penyelidikan.
- 2) Skop aplikasi dan praktis Ilmu Islam yang luas.
- 3) Keperluan ilmu kepada pengembangan kajian dan penyelidikan Islam.
- 4) Kemungkinan manfaat yang dijana adalah amat besar.
- 5) Tenaga pakar dalam kedua-dua bidang yang ramai.
- 6) Wujud kesedaran kepada keperluan penggunaan AI.

Penggunaan AI dalam kajian Ilmu Hadith

Oleh sebab penggunaan AI masih baru dalam dunia penyelidikan Islam khususnya yang berkaitan dengan Ilmu Hadith, tidak banyak penulisan dan kajian mengenainya ditulis. Antara penulisan tentang penggunaan AI dalam kajian Ilmu Hadith ialah yang dilakukan oleh Aflah Seefow kashur³⁷, Ayman

³⁴ Helimy Aris, Amran Abdul Halim, Irwan Santeri Doll kawaid (2024). Pengetahuan Terhadap Taṣḥīf dalam Riwayat dan Kaitannya Seni Kritik Teks Hadith. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Sains dan Islam 2024*. 464-474

³⁵ al-Mu'addī, M. ' (2024). Tawzīf al-Dhakā` al-Iṣṭinā`ī fī Khidmat al-Sunnah al-Nabawīyah. *Majallat al-Dirāyah*, 162-182. Ayman, S. A.-'. (2023). Al-Dhakā` al-Iṣṭinā`ī wa Atharuhū fī Majāl al-Baḥṭh al-'Ilmī bi 'Ilm al-Ḥadīth al-Nabawī. *Ayman Salīm al-'Awfī*. 2023. *Al-Dhakā` al-Iṣṭinā`ī wa Atharuhū fī Majāl al-Baḥṭh al-'Majallat Kullīyat Uṣūl al-Dīn wa al-Da'wah bi al-Manūfiyah*, 2659-2708.

³⁶ Firās Sāsī (t.t). *Tawzīf al-Zakā` al-Iṣṭinā`ī fī Khidmat Majāl al-Ḥadīth wa 'Ulūmihī*. Tunisia: Jāmi'at al-Zaytūnah. 143-164

³⁷ K.S, A. (2014). *Tawzīf Tiqniyāt al-Dhakā` al-Iṣṭinā`ī fī Khidmat al-Sunnat al-Nabawīyah*. Malaysia: Aflah K.S

Salīm al-‘Awfī³⁸, Muḥammad ‘Abd Allāh Āl Mu‘addī³⁹ dan Firās Sāsī⁴⁰. Antara lapangan Ilmu hadith yang dilihat para pengkaji berpotensi memanfaatkan AI sebagai pakar alternatif pada masa hadapan ialah *takhrīj* (verifikasi status hadith), pengkategorian hadith, *sharḥ al-hadīth* (penerangan maksud hadith), *difā’ ‘an al-Sunnah* (pembelaan Sunnah) dan pembangunan statistik perawi dan riwayat. Namun, sehingga kini, AI dilihat belum berkeupayaan sepenuhnya melakukan hal-hal tersebut menyebabkan kebergantungan kepadanya dalam penyelidikan yang berkaitan dengan ilmu Hadith masih diragui. Setengah kajian menunjukkan AI secara umum dan *ChatGPT* khususnya berupaya mencadangkan topik atau tema kajian dalam bidang hadith atau integrasi antara bidang hadith dan bidang-bidang lain. walau bagaimanapun, kesesuaian tema-tema yang dicadangkan memerlukan pengesahan pakar disebabkan *ChatGPT* tidak berkeupayaan melakukan hal tersebut. Ia juga tidak berkeupayaan sepenuhnya dalam tugas *takhrīj*, analisis perawi, analisis sanad dan teks⁴¹.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini akan menilai sejauh mana *ChatGPT* berupaya memberikan maklumat yang akurat berkenaan *taṣḥīf* riwayat dalam hadith. beberapa subtopik telah dipilih bagi mendapatkan respon *ChatGPT* seperti berikut:

- 1) Pengenalan umum mengenai *taṣḥīf* dalam hadith.
- 2) Sumber dan rujukan bagi mengenalpasti *taṣḥīf* riwayat.
- 3) Jenis-jenis, sebab-sebab *taṣḥīf*.
- 4) Analisis hadith-hadith yang mengandungi *taṣḥīf*.
- 5) Mengenal pasti *taṣḥīf* dalam hadith.

Keupayaan *ChatGPT* dalam menjelaskan subtopik-subtopik tersebut akan dinilai berdasarkan beberapa soalan yang berkaitan. Bahasa yang digunakan sepanjang penilaian ialah bahasa Arab dengan mengambil kira faktor bahasa asal yang melatari topik kajian. Berikut adalah perincian soalan bagi setiap subtopik:

BIL	SUBTOPIK & SOALAN TAṢḤĪF DALAM HADITH
1.	Pengenalan umum mengenai <i>taṣḥīf</i> dalam hadith:
	أ- ما هو التصحيف لغة واصطلاحاً؟ ب- هل هناك فرق بين التصحيف والتحريف أم هما مترادفان؟ ج- أ رأي الحافظ ابن حجر من التصحيف والتحريف؟ هل هناك فرق بين موقفه منهما وموقف الذين سبقوه من المحدثين؟
2.	Sumber dan rujukan bagi mengenalpasti <i>taṣḥīf</i> Riwayat:
	أ- ما هي المراجع الرئيسية لمعرفة التصحيف والمصحف؟ ب- هل لديك معرفة بما ألفه الدارقطني والخطابي في باب التصحيف؟

³⁸ Ayman, S. A.-‘. (2023). Al-Dhakā’ al-Iṣṭinā’ī wa Atharuhū fī Majāl al-Baḥṡ al-‘Ilmī bi ‘Ilm al-Ḥadīth al-Nabawī. *Ayman Salīm al-‘Awfī. 2023. Al-Dhakā’ al-Iṣṭinā’ī wa Atharuhū fī Majāl al-Baḥṡ al-‘Majallat Kullīyat Uṣūl al-Dīn wa al-Da’wah bi al-Manūfīyah*

³⁹ al-Mu‘addī, M. ‘. (2024). Tawzīf al-Dhakā’ al-Iṣṭinā’ī fī Khidmat al-Sunnah al-Nabawīyah. *Majallat al-Dirāyah*

⁴⁰ Firās Sāsī (t.t). *Tawzīf al-Zakā’ al-Iṣṭinā’ī fī Khidmat Majāl al-Ḥadīth wa ‘Ulūmihi*. Tunisia: Jāmi’at al-Zaytūnah

⁴¹ Ayman, S. A.-‘. (2023). Al-Dhakā’ al-Iṣṭinā’ī wa Atharuhū fī Majāl al-Baḥṡ al-‘Ilmī bi ‘Ilm al-Ḥadīth al-Nabawī. *Ayman Salīm al-‘Awfī. 2023. Al-Dhakā’ al-Iṣṭinā’ī wa Atharuhū fī Majāl al-Baḥṡ al-‘Majallat Kullīyat Uṣūl al-Dīn wa al-Da’wah bi al-Manūfīyah*. 2659-2708

	ج- قلت إن التحريف أعم من التصحيف ويشمل تغيير اللفظ أو المعنى أو كليهما عمداً أو خطأ، من قال بهذا القول بالتحديد ووثق ما قلت بالمراجع المعتمدة مع الالتزام بالمنهج العلمي في التوثيق؟
3.	Jenis-jenis, sebab-sebab taṣḥīf:
	أ- ما أنواع التصحيف غير الذي ذكرت سابقاً مع ذكر مثال لكل نوع؟ ب- تكلم عن تصحيف اللفظ في الإسناد وتصحيف اللفظ في المتن وتصحيف المعنى مع التمثيل؟ ج- ما أسباب وقوع التصحيف؟
4.	Analisis hadith-hadith yang mengandung taṣḥīf:
	بين التصحيقات الواقعة في الأحاديث التالية: أ- (أن النبي صلى الله عليه وسلم احتجم في المسجد) ب- (وأنه صلى وبين يديه عنزة) ج- (لا يدخل الجنة قتات) د- (من صام رمضان ثم أتبعه شيئاً من شوال...الخ)
5.	Mengenal pasti taṣḥīf dalam hadith:
	أ- كيف يعرف التصحيف في الحديث؟ ب- ما القرائن الدالة على حدوث التصحيف؟

Jadual 1: Subtopik & Soalan Berkaitan *Taṣḥīf* Dalam Hadith

ULASAN MAKLUM BALAS CHATGPT

Respon *ChatGPT* terhadap soalan-soalan yang diajukan kepadanya boleh disimpulkan seperti berikut:

Pengenalan umum taṣḥīf dalam hadith berdasarkan respon *ChatGPT*

ChatGPT telah memberi pengenalan berkenaan *taṣḥīf* dalam hadith merangkumi definasi *taṣḥīf* dari sudut bahasa dan istilah ahli hadith, jenis-jenis *taṣḥīf* dan kesannya terhadap hadith.

التصحيف لغة: التصحيف في اللغة مشتق من "الصَّحِيفَة"، ويُقصد به تحويل الكلمة أو الحرف عن أصله إلى شكل أو لفظ مشابه له بسبب التشابه بين الأحرف أو الكلمات في الكتابة أو النطق. يُقال "صَحَّفَ" فلانٌ إذا أخطأ في قراءة أو كتابة كلمة معينة، بسبب التشابه بين الحروف. التصحيف اصطلاحاً:

في علوم الحديث، التصحيف هو: تغيير في الألفاظ أو الأسماء في الحديث بسبب تشابه الحروف أو الكلمات، سواء في الكتابة أو في السمع. ويحدث التصحيف عند الخطأ في قراءة أو سماع كلمة أو حرف بشكل غير صحيح، مما يؤدي إلى تبديله بكلمة أو حرف آخر يشبهه.

أنواع التصحيف:

1. **التصحيف البصري (الكتابي):** يقع عند قراءة الكلمة بشكل خاطئ بسبب تشابه الأحرف في الشكل. مثل أن تُقرأ كلمة "الحسن" على أنها "الحسين" بسبب تشابه الحروف.
2. **التصحيف السمعي:** يقع عند سماع كلمة بشكل خاطئ وتبديلها بكلمة أخرى بسبب التشابه في الصوت. مثل أن يُسمع "أبو الزبير" على أنه "أبو زبير".

أثر التصحيف في الحديث:

- **تغيير المعنى:** قد يؤدي التصحيف إلى تغيير المعنى بشكل كبير، وبالتالي قد يؤثر على الفهم الصحيح للنص الشرعي.
 - **إفساد النص:** إذا تم التصحيف في الأسماء أو الأماكن، يمكن أن يُغير من هوية الراوي أو مكان الحدث، مما يفسد المعلومة الحديثية.
- لذلك، بذل العلماء مجهوداً كبيراً في ضبط النصوص وتصحيح التصحيقات للحفاظ على الأحاديث النبوية بصيغتها الأصلية.

Jadual 2: Contoh jawapan ChatGPT berkenaan *Taṣḥīf*

Maksud *taṣḥīf* dari sudut bahasa dan istilah yang diberikan oleh *ChatGPT* didapati selari dengan yang terdapat dalam sumber utama Ilmu Hadith. Begitu juga jenis-jenis dan kesan *taṣḥīf* yang dikemukakan oleh *ChatGPT* didapati selari dengan yang terdapat dalam sumber dan rujukan Ilmu Hadith walaupun ia tidak mengemukakan rujukan tertentu terhadap maklumat yang diberikan. Ia mungkin disebabkan soalan yang dikemukakan kepada *ChatGPT* juga tidak mensyaratkan hal tersebut.

Namun, *ChatGPT* didapati memberikan maklumat yang janggal berhubung perbezaan antara *taṣḥīf* dan *tahrīf*. Ia telah mendakwa bahawa *tahrīf* adalah lebih umum berbanding *taṣḥīf* dan ia merangkumi perubahan pada lafaz, makna atau kedua-duanya sekali sama ada secara sengaja atau tersilap. Semakan terhadap sumber yang dinyatakan oleh *ChatGPT* sebagai sokongan terhadap hal tersebut menunjukkan ia tidak seperti yang didakwa.

ChatGPT juga tidak berkeupayaan menyebut perbezaan antara pendirian Ibn Hajar al-‘Asqalānī dan jumhur ahli hadith terhadap pengertian *taṣḥīf* dan *tahrīf*. Sebaliknya ia telah menyatakan maklumat yang salah mengenainya dan menyalahi kandungan rujukan yang dinyatakan sebagai sokongannya.

Sumber dan Rujukan Bagi Mengenalpasti *Taṣhīf Riwayat*

Sebahagian sumber yang dinyatakan oleh *ChatGPT* adalah sumber utama bagi topik *taṣhīf* walaupun terdapat kejanggalan pada sebahagian judul rujukan yang dinyatakan. Sebahagian sumber yang dinyatakan bukanlah yang utama atau berkaitan secara langsung dengan *taṣhīf*. Terdapat juga judul-judul yang dinyatakan tiada kaitan sama sekali dengan topik *taṣhīf*. Terdapat sedikit kecelaruan dalam pengkategorian sumber yang mana terdapat rujukan dari kategori *muṣṭālah* hadith telah dikategorikan oleh *ChatGPT* sebagai *sharḥ hadith*. Terdapat juga penisbahan karya kepada selain pengarangnya seperti penisbahan karya “*al-Taṣhīf wa al-Tahrīf*” kepada Abū Bakr Muḥammad Ibn al-Ḥasan al-Naqqāsh (W 351 H). Didapati tokoh-tokoh yang sinonim dengan penulisan berkaitan *taṣhīf* dan karya mereka tidak disebut oleh *ChatGPT* apabila diajukan soalan tentang rujukan utama berkaitan *taṣhīf* seperti Ibn Qutaybah al-Dīnawarī (W 276 H), Abū al-Ḥasan al-Dārquṭnī (W 385 H), Abū Sulaymān al-Khaṭṭābī (W 388 H). Malah, maklumat mengenai karya mereka yang khusus berkaitan *taṣhīf* tidak disebut langsung oleh *ChatGPT*.

Jenis-Jenis dan Sebab Berlaku *Taṣhīf*

Selain jenis-jenis *taṣhīf* yang sedia ada, *ChatGPT* juga menyebut beberapa jenis yang tidak dinyatakan dalam sumber dan rujukan berkaitan *taṣhīf*. Walau bagaimanapun, jenis-jenis tersebut boleh dinilai sebagai perincian kepada jenis-jenis *taṣhīf* sedia ada seperti *taṣhīf* dalam menyebut nama tempat, angka dan sifat. Namun, terdapat beberapa kejanggalan dalam perincian yang dibuat oleh *ChatGPT* seperti menggunakan istilah yang tidak digunakan oleh ahli bidang. Sebagai contoh, istilah “*ḥarakāt*” digunakan bagi menunjukkan maksud baris bacaan. Sedangkan istilah yang biasa digunakan dalam Ilmu hadith bagi maksud tersebut ialah “*shakl*”, “*dabṭ*” atau “*nuṭq*”.

Contoh-contoh yang diutarakan oleh *ChatGPT* bagi setiap jenis juga dilihat ganjil. Sebagai contoh, perkataan (عائشة/عائش) dikatakan adalah *taṣhīf* bagi perkataan (عائشة). Ungkapan (العید حق) dijadikan contoh bagi jenis *taṣhīf* dalam hadith masyhur yang berbunyi (العین حق). Ungkapan (القائل) dijadikan contoh *taṣhīf* “*ḥarakāt*” bagi perkataan (القائل) yang kedua-duanya adalah sama. Namun, menurut keterangan *ChatGPT*, perkataan asal (القائل) ialah dengan huruf *qāf* berbaris hadapan dengan fungsinya sebagai *ism maf’ūl* (kata pasif). Keterangan ini jelas bertentangan dengan disiplin ilmu *Ṣarf* (Ilmu berkaitan struktur perkataan) dan kaedah penulisan huruf arab.

Terdapat kecelaruan juga dalam membezakan antara *taṣhīf* dan perbezaan persepsi terhadap maksud sebahagian hadith yang memiliki lebih daripada satu maksud. *ChatGPT* telah mendatangkan hadith arahan Rasulullah s.a.w kepada para sahabat supaya mendirikan solat hanya selepas sampai di perkampungan Bani Qurayzah sebagai contoh bagi *taṣhīf* makna⁴². Faham literal atau tekstual sebahagian sahabat terhadap maksud hadith tersebut menurut *ChatGPT* adalah contoh *taṣhīf* makna. Walhal, kedua-dua pendirian sama ada tekstual ataupun kontekstual bagi isu solat asar di perkampungan Bani Qurayzah tersebut adalah dibenarkan dan selari dengan kaedah takwil yang dibenarkan. Selain contoh di atas, semua contoh yang diberikan oleh *ChatGPT* tidak disandarkan kepada hadith atau rujukan tertentu. Ia lebih bersifat rekaan berbanding bukti wujud yang biasanya disebut oleh sarjana Islam dalam topik *taṣhīf*.

Berhubung dengan soalan berkenaan punca *taṣhīf* pula, sebanyak sebelas faktor *taṣhīf* telah disenaraikan oleh *ChatGPT*. Ia boleh dikatakan satu olahan atau pengembangan idea yang baharu. Sebahagian daripada faktor-faktor tersebut berkait rapat dengan beberapa topik lain seperti *ikhtilāf* (kecelaruan pada ingatan), *sū` al-hifz* (daya ingatan yang teruk) dan *al-wahm* (kealpaan yang menyebabkan kesilapan dalam periwayatan). Sebahagiannya dilihat lebih berkait rapat dengan era pasca riwayat seperti ciri-ciri manuskrip yang tidak jelas dan perbezaan dialek antara negeri Hijaz dan Iraq. Namun, tiada satupun daripada faktor-faktor yang dinyatakan tersebut disokong dengan bukti atau contoh wujud daripada sumber-sumber yang muktabar.

⁴² Lihat hadith riwayat al-Bukhārī dalam al-Ṣaḥīḥ, jil 1/hal321, no: 904 daripada ‘Abd Allāh Ibn ‘Umar r.a

Analisis Hadith-Hadith yang Mengandungi Lafaz *Muṣaḥḥaf*

Hasil penelitian terhadap analisis yang dijalankan oleh *ChatGPT* ke atas hadith-hadith yang mengandungi *taṣḥīf* lafaz dan makna menunjukkan ia tidak berupaya menemui lafaz *muṣaḥḥaf* dalam hadith-hadith tersebut. Sebaliknya, ia seolah-olah menganggap teks hadith-hadith tersebut adalah benar sebelum membuat andaian pada bahagian manakah mungkin berlaku *taṣḥīf* dan apakah lafaz *muṣaḥḥaf* yang mungkin dihasilkan. Menurut *ChatGPT*, lafaz (احتجم)⁴³ mungkin boleh berubah kepada perkataan (احتلم). Lafaz (عزّة)⁴⁴ pula mungkin boleh berubah kepada lafaz (عزة). Lafaz (قتات)⁴⁵ pula mungkin boleh berubah kepada perkataan (قنات). Sementara lafaz (شوال)⁴⁶ pula boleh berubah kepada lafaz (شوالا/شواله). Kesemua perubahan tersebut menurut *ChatGPT* boleh membawa kepada perubahan makna dan menjenaskan hukum yang bakal dikeluarkan daripada hadith-hadith tersebut. Jelas, analisis tersebut kelihatan sangat ganjil dan menyalahi apa yang terdapat dalam sumber yang berkaitan *taṣḥīf*. Keadaan diburukkan lagi apabila analisis tersebut bukan berasaskan contoh sebenar lafaz *muṣaḥḥaf* yang gagal dikenal pasti oleh *ChatGPT*.

Mengenal Pasti *Taṣḥīf* dalam Hadith

Mengenai subtopik ini, *ChatGPT* telah mencadangkan sembilan perkara yang dianggap sebagai langkah mengenal pasti *taṣḥīf* dalam hadith seperti berikut:

- 1) Perbandingan antara riwayat.
- 2) Merujuk sanad yang *ṣaḥīḥ*.
- 3) Merujuk sumber *al-jarḥ wa al-ta'dīl* dan *rijāl al-ḥadīth*.
- 4) Merujuk kaedah bahasa arab.
- 5) Merujuk sumber primer atau lebih lama.
- 6) Memahami konteks.
- 7) Merujuk kutub *al-shurūḥ*.
- 8) Memastikan *makhraj* huruf yang betul bagi perkataan yang mirip sebutannya.
- 9) Meneliti tarikh wafat dan tempat tinggal perawi.

Hakikatnya, tidak semua cadangan di atas berkaitan atau bersesuaian dengan cara mengenal pasti *taṣḥīf* dalam hadith. Selain itu, *ChatGPT* didapati telah menggunakan istilah yang agak janggal digunakan dalam Ilmu Hadith seperti penggunaan istilah “*al-kutub wa al-makhṭūṭāt al-qadīmah*” yang bermaksud buku-buku dan manuskrip yang ditulis pada kurun-kurun awal. Ia juga didapati tidak mendatangkan contoh-contoh wujud sebagaimana yang terdapat dalam pelbagai sumber primer dan skunder ilmu Hadith. Seperti biasa, *ChatGPT* hanya menyebut contoh-contoh andaian atau rekaan bagi menjelaskan idea yang disampaikan.

Adapun petanda (*qarīnah*) yang boleh diklasifikasikan sebagai *taṣḥīf* dalam hadith, *ChatGPT* telah menyenaraikan sebanyak sebelas perkara seperti berikut:

- 1) Bercanggah dengan riwayat yang *ṣaḥīḥ*.
- 2) Lafaz yang janggal dan tidak selari dengan konteks.
- 3) Persamaan antara perkataan dari segi ejaan.
- 4) Persamaan antara perkataan dari segi sebutan.
- 5) Nama perawi atau tempat yang ganjil.
- 6) Maksud yang tidak munasabah.
- 7) Lafaz *muṣaḥḥaf* wujud dalam naskah tertentu sahaja atau dalam naskah yang disifatkan sebagai *ḍa'īf*.
- 8) Berpanduan konteks dan maksud hadith.

⁴³ Lihat subtopik 4, soalan/hadith 1

⁴⁴ Lihat subtopik 4, soalan/hadith 2

⁴⁵ Lihat subtopik 4, soalan/hadith 3

⁴⁶ Lihat subtopik 4, soalan/hadith 4

- 9) Meneliti sanad hadith.
- 10) Perselisihan dalam menentukan *dabt* (baris atau cara sebut) perkataan.
- 11) Bercanggah dengan sumber yang muktamad.

Tidak semua di atas adalah petanda *taṣḥīf* dalam hadith. Malah sebahagiannya lebih mirip sebagai langkah mengenal pasti *taṣḥīf* seperti meneliti sanad dan berpandukan konteks dan makna hadith. Selain itu, terdapat penggunaan istilah yang ganji seperti naskah *ḍa'īf*. Seperti kebiasaan, *ChatGPT* hanya mendatang contoh-contoh rekaan dan bukannya contoh riwayat atau hadith daripada sumber yang muktabar.

KESIMPULAN

Berdasarkan respon *ChatGPT* terhadap semua soalan yang diajukan bagi mengukur keupayaannya menjelaskan subtopik-subtopik tertentu di bawah di bawah topik *taṣḥīf* dalam hadith dapat disimpulkan *ChatGPT* sememangnya berkeupayaan memberi gambaran umum yang jelas dan hampir betul mengenai *taṣḥīf* dalam hadith. Ia juga mampu menyenaraikan sebab dan cara mengenal pasti *taṣḥīf* dalam hadith walaupun sebahagiannya dilihat tidak bersesuaian dengan subtopik asal. walaubagaimanapun, ia tidak berkeupayaan secara sempurna menjelaskan rujukan utama dan pandangan para sarjana hadith mengenai *taṣḥīf*. Ia juga tidak berkeupayaan sama sekali melakukan analisis terhadap hadith-hadith yang mengandungi lafaz *muṣaḥḥaf*. Sebahagian istilah yang digunakan oleh *ChatGPT* dilihat ganjil dan tidak digunakan oleh ahli bidang. *ChatGPT* didapati tidak berkemampuan sama sekali mendatangkan contoh daripada hadith dan nama perawi yang terdedah dengan isu *taṣḥīf*. Semua rujukan yang dinyatakan dalam *ChatGPT* perlu diteliti dan disemak sebelum diterima disebabkan ia didapati menyandarkan sebahagian maklumat kepada bukan sumber yang sebenar atau menyandarkan sesuatu yang diada-adakan kepada sumber-sumber yang masyhur.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dibawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental Penyelidik Muda (FRGS-EC) dengan kod rujukan FRGS-EC/1/2024/SSI03/USIM/02/10.

RUJUKAN

- [1] Abū al-Barakāt, al-Anbārī (1985). *Nuzhat al-Alibbā' fī Ṭabaqāt al-Udabā'*. Jordan: Matabat al-Manār.
- [2] Aḥmad Ibn Hanbal (2001). *Musnad al-Imām Aḥmad Ibn Hanbal*. Beirut: Mu`assasat al-Risālah.
- [3] Al-Bukhārī, M (1993). *Ṣaḥīḥ al-bukhārī*. Damascus: Dār Ibn Kathīr.
- [4] al-Mu`addī, M. (2024). Tawzīf al-Dhakā' al-Iṣṭinā'ī fī Khidmat al-Sunnah al-Nabawīyah. *Majallat al-Dirāyah*, 162-182.
- [5] Al-Sakhāwī, M.-R (2003). *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfīyat al-Ḥadīth li al-'Irāqī*. Egypt: Maktabat al-Sunnah.
- [6] Al-Suyūfī, J.-D (2003). *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī. Taḥqīq Ṭarīq 'Awaḍullah*. Riyadh: Dār al-'Āsimah.
- [7] Ayman, S. A (2023). Al-Dhakā' al-Iṣṭinā'ī wa Atharuhū fī Majāl al-Baḥth al-'Ilmī bi 'Ilm al-Ḥadīth al-Nabawī. *Ayman Salīm al-'Awfī*. 2023. *Al-Dhakā' al-Iṣṭinā'ī wa Atharuhū fī Majāl al-Baḥth al-'Majallat Kullīyat Uṣūl al-Dīn wa al-Da'wah bi al-Manūfīyah*, 2659-2708.
- [8] Bin Azlan, U., & bin Aris, H. (2024). Kepentingan Menganalisis Status Perawi Hadis Dengan Neraca Ilmu Al-Jarh Wa Al-Ta'dil: Tumpuan Terhadap Status Perwayatan Abu Hanifah: The importance of Analyzing the Status of Hadith Narrators Based on the Discipline of al-Jarh wa al-Ta'dil with A Focus on the Narration of Abu Hanifah. *Journal Of Hadith Studies*, 110-120.
- [9] Ibn al-Ṣalāḥ, T.-D (2002). *Ma'rifat Anwā' 'Ilm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmīyah.
- [10] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, A (2020). *Nukhbat al-Fikar fī Muṣṭalah Ahl al-Athar*. Riyādh: Maktabat al-Malik Fahd.
- [11] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, A (2021). *Nuzhat al-Nazar fī Tawḍīḥ Nukhbat al-Fikar*. Al-Madīnat al-Munawwarah: 'Abd Allah Ibn Ḍayf Allah al-Rahīlī.
- [12] Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, (1984). *Al-Nukat 'Alā Kitāb Ibn al-Ṣalāḥ*. Al-Madīnat al-Munawwarah: 'Imādat al-Baḥth al-'Ilmī bi al-Jāmi'at al-Islāmīyah.
- [13] Ibn Kathīr, A.-F. I (2014). *Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl, Abū al-Ash'Ikhtīṣar 'Ulūm al-Ḥadīth ma' Sharḥihī al-Bā'ith al-Ḥathīth*. Egypt: Dār Ibn al-Jawzī.
- [14] K.S, A (2014). *Tawzīf Tiqniyāt al-Dhakā' al-Iṣṭinā'ī fī Khidmat al-Sunnat al-Nabawīyah*. Malaysia: Aflah K.S.
- [15] Al-'Irāqī, 'Abd al-Rahīm Ibn al-Ḥusayn (1969). *Al-Taḥqīq wa al-'Idāḥ Sharḥ Muqaddimat Ibn al-Ṣalāḥ*. Al-Madinat al-Munawwarah: Al-'Irāqī, 'Abd al-Rahīm Ibn al-Ḥusayn. 1969. *Al-Taḥqīq wa al-'Idāḥ Sharḥ Muqaddimat Ibn al-Ṣalāḥ*. Al-Madinat al-Munawwarah: al-Maktabat al-Salafīyah.
- [16] al-A'zamī, Muḥammad Muṣṭafā (1990). *Manhaj al-Naqd 'Ind al-Muḥaddithīn*. KSA: Maktabat al-Kawthar.
- [17] al-Khaṭīb al-Baghdādī, Aḥmad Ibn 'Alī (1938). *Al-Kifāyah fī 'Ilm al-Riwāyah*. Ḥaydar Ābād: Jam'iyat Dā'irat al-Ma'ārif al-'Uthmānīyah.

- [18] Al-Khaṭīb al-Baghdādī, Abū Bakr (1983). *Al-Jāmi' li Akhlāq al-Rāwī wa Ādāb al-Sāmi'*. Riyādh: Maktabat al-Ma'ārif.
- [19] al-Naysābūrī, Muslim Ibn al-Ḥajjāj (1990). *Al-Tamyīz*. SAE: Maktabat al-Kawthar.
- [20] Muslim Ibn al-Ḥajjāj (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- [21] Al-Ḥākim al-Naysābūrī, Abū 'Abd Allāh (1937). *Ma'rifat 'Ulūm al-Ḥadīth*. Cairo: Maṭba'at Dār al-Kutub al-Miṣrīyah.
- [22] Amīn, Aḥmad (2012). *Fajr al-Islām*. Cairo: Mu'assasat al-Hindāwī.
- [23] Helimy Aris, Amran Abdul Halim, Irwan Santeri Doll kawaid (2024). Pengetahuan Terhadap Taṣḥīf dalam Riwayat dan Kaitannya Seni Kritik Teks Hadith. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Sains dan Islam 2024*.
- [24] Helimy Aris, Amran Abdul Halim, A. Irwan Santeri Doll Kawaid (2023). "Kritik Teks Hadith & Penggunaannya Dalam Menilai Hadith." *Seminar Antarabangsa Sains & Islam (SAIS 2023)*. Malaysia: PKAUSIM. 218-227.
- [25] Helimy Aris, Muhammad Fawwaz Bin Muhammad Yusoff, Amran Bin Abdul Halim, Nazri Muslim, Jamsari Alias and Norazila Mat (2024). "Mudraj Hadith and Its Relationship with the Art of Hadith Text Criticism." *International Journal of Religion* 740-753.
- [26] Ibn Fāris, Aḥmad (1979). *Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- [27] Ibn Manzūr, Muḥammad (1994). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al-Ṣādir.
- [28] Sa'id, Hammam 'Abd al-Raḥīm (1987). *Al-Fikr al-Manhajī 'Ind al-Muḥaddithīn*. Qatar: Ri'āsat al-Maḥākīm al-Shar'iyyah wa al-Shu'ūn al-Dīnīyah.
- [29] Al-Ṭabarānī, Sulaymān Ibn Aḥmad (1994). *Al-Mu'jam al-Kabīr*. Cairo: Maktabat Ibn Taymīyah.